

Terengganu catat kematian kedua akibat lemas

Mangsa banjir terus meningkat

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir semakin buruk dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan di Kelantan, Pahang dan Terengganu meningkat kepada 17,443 orang petang semalam berbanding 13,746 pada sebelah pagi.

Di Terengganu, jumlah mangsa meningkat

kepada 10,412 orang berbanding 6,550 orang pada sebelah pagi.

Menurut portal banjir negeri, mangsa paling ramai dipindahkan sehingga pukul 6 petang adalah daerah Besut seramai 2,666 orang diikuti Kemaman (2,272), Dungun (1,983), Hulu Terengganu (1,390), Besut (1,088), Kuala Terengganu (807) dan Marang (206).

Sehingga tempoh itu, 30 pusat pemindahan dibuka di Setiu, Kemaman (23), Dungun (29), Hulu Terengganu (16), Besut (10), Kuala Terengganu dan Marang (masing-masing tujuh).

Setakat ini, banjir di Terengganu meragut dua nyawa iaitu seorang wanita, Samhanim Ramli, 36, yang lemas selepas terjatuh ke dalam Sungai Lanjut



ZAINUN Ali yang hamil dibantu untuk berpindah ke tempat selamat oleh anggota bomba dan tentera setelah rumahnya dinaiki air di Kampung Jelujok Bendang Pak Yong, Tumpat semalam.

di Jambatan Permaisuri, Setiu kelmarin dan terbaharu, seorang remaja, Mohd. Hamidi Abdul Hamid, 15, lemas ketika bermain air di kawasan perumahan Bukit Mentok pada pukul 2 petang semalam.

Di Kelantan pula, 4,513 mangsa direkodkan berbanding 4,127 orang pada sebelah pagi dan ditempatkan di 39 pusat pemindahan.

Jajahan Pasir Mas terus menyaksikan peningkatan terbesar pemindahan mangsa iaitu 3,074 orang ke 21 pusat diikuti Tumpat (342), Kuala Krai (280), Tanah Merah (272), Kota Bharu (260), Pasir Puteh (248) dan Machang (37).

Sungai Kelantan di Jambatan Guillemard, Tanah Merah dan Sungai Golok di Rantau Panjang, yang melepasi paras bahaya su-

sut sedikit berikutan cuaca baik.

Sementara itu, di Pahang mencatat penurunan mangsa banjir dengan 2,473 orang berbanding 3,196 pada sebelah pagi ekoran cuaca baik.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang memberitahu, daerah Kuantan masih mencatat jumlah pemindahan mangsa paling ramai iaitu 2,231 orang di 11 pusat manakala 620 mangsa sudah pulang ke rumah masing-masing.

"Di daerah Pekan, jumlah mangsa yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang masih kekal seramai 206 orang manakala dua pusat pemindahan di daerah Rompin dan Jerantut telah ditutup dan kesemua mangsa telah pulang ke rumah sejak tengah hari tadi (semalam)," katanya.

Sementara itu, lima laluan di daerah Kuantan masih ditutup kepada semua kenderaan akibat banjir sejak dua hari lalu di jalan Sungai Lembing-Kuantan iaitu di Kilometer 16, 18 dan 30 serta Jambatan Sungai Charu ke Sungai Lembing dan Kilometer 18 Jalan Kuantan By-Pass, Gebeng.

Talian Kecemasan Banjir

Terengganu	-	09-631 6000
Kelantan	-	09-745 0900
Pahang	-	09-516 1850

INFO Nasihat semasa banjir

- Pastikan semua suis elektrik di suis utama dimatikan untuk mengelakkan kejadian renjatan elektrik
- Pastikan rumah berkunci dan barang disimpan di tempat tinggi dan selamat sebelum berpindah
- Kenal pasti individu yang mempunyai keperluan khas seperti berpenyakit kronik, kurang upaya, uzur dan mengandung untuk bantuan khas pemindahan
- Sentiasa berwaspada ketika memandu pada musim banjir dan gunakan laluan selamat yang telah dikenal pasti

Remaja mangsa kedua banjir di